



KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

7 APRIL 2015

MENGENAI

VERSI BAHARU LAMAN WEB RASMI BAGI
PAPARAN MAKLUMAT INDEKS PENCEMAR UDARA (IPU),
“AIR POLLUTANT INDEX OF MALAYSIA (APIMS)”

1. Selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah melancarkan versi baharu paparan maklumat Indeks Pencemar Udara (IPU) yang dikenali sebagai “**Air Pollutant Index of Malaysia, APIMS**” di laman web rasmi JAS.
2. Versi asal APIMS mula dibangunkan pada tahun 2005 dan ia bertujuan untuk memaklumkan orang ramai mengenai **status terkini kualiti udara di seluruh negara** mengikut tahap-tahap tertentu iaitu baik (IPU di bawah 50), sederhana (IPU antara 51 hingga 100), tidak sihat (IPU antara 101 hingga 200), sangat tidak sihat (IPU 201 hingga 300) dan berbahaya (IPU melebihi 300).

3. Melalui versi baharu APIMS, orang ramai boleh melayari maklumat status kualiti udara secara lebih pantas untuk merancang aktiviti seharian mereka terutama semasa kejadian jerebu.
4. Maklumat mengenai status kualiti udara dan bacaan IPU setiap jam di laman web versi baharu tersebut boleh dilayari mulai 7 April 2015 di alamat berikut:-

<http://apims.doe.gov.my/v2>

5. Versi baharu APIMS mempunyai empat (4) fungsi utama yang telah ditambah baik iaitu:-
 - a) Paparan peta geo-lokasi;
 - b) Senarai lokasi liputan;
 - c) Maklumat umum mengenai IPU; dan
 - d) Pengumuman untuk orang ramai.

JABATAN ALAM SEKITAR

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

7 APRIL 2015